

21 APR 2002

Mahathir-Ilmu

DR MAHATHIR MAHU UMAT ISLAM BUANG SIKAP MUDAH BERPUTUS ASA

Oleh: Mohd Arshi Daud

MANAMA, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata umat Islam mesti membuang "sikap mudah berputus asa" dalam era maklumat sekarang apabila "ilmu pengetahuan mempunyai pengaruh yang lebih besar daripada dahulu."

Kecenderungan umat Islam untuk memikirkan bahawa adalah mustahil untuk mengejar dan mengatasi orang lain yang mendahului mereka adalah sikap yang tidak membawa faedah, kata beliau pada persidangan latihan dan sumber manusia di sini.

Dalam ucaputamanya pada Persidangan Dunia IFTDO ke-31 di sini, Dr Mahathir berkata sebagai khalifah di muka bumi ini, umat Islam mempunyai keupayaan dan bakat.

"Kita boleh melakukan apa yang orang lain buat jika kita bersatu dan menggembleng keintelektual.

"Kita boleh mengekalkan kepercayaan agama kita. Tetapi kita harus mengimbangkan antara tuntutan dunia dan akhirat," kata Dr Mahathir.

IFTDO (International Federation of Training and Development Organisation) adalah rangkaian ahli profesional sumber manusia yang bertanggungjawab membangun dan memindahkan ilmu, kepakaran dan teknologi bagi meningkatkan pertumbuhan individu dan organisasi, produktiviti dan pembangunan sumber manusia.

Dr Mahathir kini berada di Bahrain untuk lawatan dua hari. Perdana Menteri sebelumnya telah melawat Maghribi dan Libya.

Perdana Menteri mengetuai delegasi mengandungi 180 anggota terdiri daripada para menteri Kabinet dan ahli perniagaan bagi meningkatkan hubungan dua hala dan perdagangan dengan negara-negara berkenaan.

Dr Mahathir berkata sejarah menunjukkan bahawa negara-negara yang mempunyai ilmu pengetahuan yang setinggi gunung dapat menguasai dunia.

Beliau berkata apabila umat Islam sebelumnya mematuhi perintah Allah supaya menuntut ilmu, sarjana Islam terdahulu telah memperolehi ilmu pengetahuan daripada tamadun silam bukan Islam dan mencipta ilmu baru seperti Algebra, Astronomi dan Algoritma.

Ilmu pengetahuan ini menjadikan dunia Islam sebagai pusat pembelajaran dan tamadun agung yang membolehkan Islam dan masyarakat Islam mendapat tempat yang tinggi di dunia.

Tetapi apabila perintah untuk menuntut ilmu diinterpretasikan sebagai menuntut ilmu agama sahaja, golongan intelektual Islam mengelakkan ilmu bukan agama kerana bimbang dicap sebagai kafir.

"Tidak ada ilmu pengetahuan baru diterokai dan ilmu pengetahuan bukan agama menjadi asing bagi umat Islam sehingga sarjana agung Islam kalah kepada dunia bukan Islam, kalah terutamanya kepada Eropah.

"Justeru, Ibnu Sinna bertukar menjadi Avicenna; Ibnu Rusdi menjadi Averroes. Al Khwarizmi yang mencipta teori asas Algoritma tidak dipedulikan oleh masyarakat Islam masa kini tetapi tanpa teori matematik mengenai Algoritma, komputer moden dan pengaturcaraan mikrochip adalah mustahil," kata Dr Mahathir.

Apabila masa berlalu, umat Islam semakin jahil dan tidak menyertai dalam pembangunan saintifik dan pengetahuan teknologi, tercicir daripada Revolusi Perindustrian dan juga cuba menolak produk yang dihasilkan melalui Revolusi Perindustrian.

Har ini, umat Islam berfikiran luas dan bersedia menggunakan semua produk yang dihasilkan oleh bukan Islam tetapi pada umumnya mereka hanya

bersifat sebagai pengguna, bukan pengeluar dan bukan pula penciptanya kerana mereka kurang ilmu.

Dr Mahatir berkata memandangkan umat Islam kekurangan ilmu, mereka tidak dapat mencipta, merekabentuk dan menghasilkan peralatan untuk mempertahankan diri seperti dituntut oleh ajaran Islam.

"Sejak kejatuhan Empayar Usmaniah, kita tidak dapat mempertahankan diri. Lihat apa yang berlaku kepada Palestin. Kita hanya mampu merayu kepada dunia supaya menghentikan pembunuhan ini.

"Kita tahu kita lemah dan tidak berupaya untuk mempertahankan ummah, apatah lagi membela Islam. Tidak ada satu pun negara Islam yang muncul dikalangan negara maju.

"Kita semua hanya negara membangun yang bergantung kepada kebajikan bukan Islam. Apakah Islam mahukan kita menjadi seperti ini?" beliau bertanya.

Dr Mahathir berkata walaupun umat Islam boleh menyalahkan pihak lain yang melakukan penindasan ke atas umat Islam yang lain, mereka tidak boleh mendakwa bahawa mereka bebas daripada dipersalahkan.

"Saya ingin berkata lebih lanjut bahawa kita telah melakukan dosa. Kita mungkin telah menunaikan ibadah lain tetapi kita perlu menanggung dosa kita, di dunia dan selepas ini," kata beliau.

Perdana Menteri berkata umat Islam sekarang perlu menguasai ilmu baru mengenai sains dan teknologi dan jika boleh menerokai ilmu ini untuk membolehkan kita dihormati.

Beliau mengaku bahawa memperolehi ilmu pengetahuan baru bukannya mudah dan mengambil masa tetapi umat Islam harus bersabar dan Nabi pun tidak menerima syariat Islam pada hari pertama."

Dr Mahathir berkata oleh kerana pembahagian kerja adalah perlu dalam sesebuah masyarakat, umat Islam harus menguasai setiap cabang ilmu moden selain ilmu agama.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa jika umat Islam tidak menghiraukan keperluan untuk mencari, memperolehi, memperbaiki dan menguasai ilmu, mereka akan menanggung sendiri kerugian.

"Apa yang berlaku kepada rakyat Palestin hari ini mungkin boleh berlaku kepada kita," kata beliau.

-- BERNAMA  
MAD MAD FAZ